

20 MAR 2001

Mahathir-Bosnia

MALAYSIA AKAN TERUS BANTU BOSNIA DAN HERZEGOVINA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan terus membantu Bosnia dan Herzegovina dalam usaha pembangunan semula negara itu berikutan perang Balkan pada tahun 1990-an.

Perdana Menteri memberitahu perkara ini semasa mengadakan rundingan dengan Presiden Bosnia Dr Halid Genjac di pejabat beliau di sini, hari ini, menurut Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Beliau memberitahu Bernama selepas pertemuan itu bahawa Dr Mahathir membayangkan bahawa Malaysia akan meningkatkan kerjasama teknikal dengan Bosnia dan Herzegovina termasuk memberi latihan kepada rakyat Bosnia melalui pelbagai program teknikal.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin juga membincangkan cara-cara untuk memperkukuhkan lagi kerjasama dua hala termasuk dalam ektor ekonomi dan perdagangan.

"Sekarang, syarikat-syarikat Malaysia meneroka ke sana untuk mencari peluang-peluang bagi pelaburan bersama dengan syarikat-syarikat Bosnia," kata beliau.

Dr Toyad berkata Bosnia berminat untuk memperkukuhkan hubungannya dengan Malaysia kerana sokongan kuat Dr Mahathir terutama dalam usaha membangunkan semula negara Balkan itu.

Dr Mahathir dan Dr Genjac kemudian menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian pinjaman AS\$20 juta (RM76 juta) antara Bank Islam (Labuan) Ltd (BILL) dan Bosmal D.O.O. (Bosmal) bagi pemilikan tanah dan pembinaan kompleks komersil dan perumahan di Sarajevo.

Bosmal D.O.O. ialah syariat usahasama antara pelabur kedua-dua negara.

BILL, anak syarikat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), menjalankan operasi dari Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa Labuan.

Pengerusi BILL, Datuk Ahmad Tajudin Abdul Rahman dan ketua pegawai eksekutif, Raja Zainal Alam Shah Raja Abdullah Omar menandatangani bagi pihak bank sementara Bosmal diwakili oleh Haji Hassan Jamaludin dan Nijaz Sabanovic.

Dr Genjac tiba di sini semalam untuk lawatan peribadi selama empat hari.

Beliau dijadual melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) di Cyberjaya, Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara dan Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia.

Esok, beliau dijadual melawat Melaka Bandaraya Bersejarah.

-- BERNAMA

AFY MAM FAZ